AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

## 14 kilang Top Glove dibenarkan beroperasi semula

# PKPD asrama Top Glove, Sibuga tamat

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan bersetuju menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kedua-dua asrama lelaki dan wanita kilang Top Glove, Klang, Selangor berkuat kuasa semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan dibuat atas nasihat dan penilaian risiko Kementerian Kesihatan.

"Ini melibatkan asrama lelaki dan wanita di Jalan Abadi 1A/KU8 serta Jalan Abadi 10A/KU8," katanya di sini.

Sehingga kini jelasnya, daripada 28 kilang Top Glove yang ditutup, 14 buah dibenarkan untuk beroperasi semula selepas kilang berkenaan disanitasi.

Baki 14 lagi akan dibuka secara berperingkat dan pihak kilang itu turut diarahkan mematuhi arahan berkaitan pengurusan Covid-19 dalam kalangan pekerja.

"Kementerian itu telah melaksanakan 5,805 saringan dan jumlah kumulatif kes positif adalah 4,305 kes sejak PKPD bermula 17 November dan dilanjutkan hingga 14 Disember," jelasnya.

Ismail Sabri menambah, kesemua pekerja disahkan negatif pula telah menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) selama dua kali tempoh inkubasi Covid-19.

Turut ditamatkan PKPD ialah para penghuni Pusat Tahanan Sementara (PTS) Sibuga di Sandakan, Sabah yang dilaksanakan sejak 2 Disember.

"Hanya tinggal baki 29 kes positif Covid-19 dengan melibatkan sejumlah tahanan dan kakitangan PTS tersebut yang menerima rawatan lanjut," katanya.

Setakat 11 Disember lalu katanya, kementerian berkenaan telah melaksanakan sebanyak 1,062 ujian saringan dan sebanyak 217 kes kumulatif wabak tersebut sudah pun direkodkan.




**ASRAMA pekerja Top Glove di Meru, Klang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan sejak 17 November lalu.**



**ALIAS Razak menampal pelekat pada sebuah kereta yang digunakan dalam perkhidmatan Homecare Services di pekarangan Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) di Kuala Terengganu semalam.**

## Pengunjung zon merah disaran lakukan saringan

**KUALA TERENGGANU:** Individu dari zon merah yang memasuki negeri ini disaran menjalani saringan di klinik kesihatan terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr. Alias Razak berkata, langkah sukarela itu penting bagi menjaga keselamatan ahli keluarga dan orang di sekeliling.

"Jika sayangkan keluarga, fikirlah mana yang terbaik walaupun saringan itu tidak diwajibkan.

"Bagaimanapun pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketika berada di tempat awam perlu diberi keutamaan, jika ada keperluan untuk memperketatkan pematuhan di kawasan-kawasan sesak seperti Pasar Payang, kerajaan bersedia melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Perkhidmatan Homecare Services di lobi utama Hospital Pakar Kuala Terengganu (KTSH) di sini semalam.

Alias berkata, peningkatan kes Covid-19 di negeri ini kebanyakannya merupakan kes kontak rapat dan pesakit telah dikuarantin awal manakala dua kes import membabitkan warga emas yang pulang ke Terengganu untuk dijaga oleh ahli keluarga.

Katanya, rakyat tidak perlu panik dengan situasi semasa pandemik itu kerana keadaan masih terkawal sekali gus meminta orang ramai agar terus mematuhi SOP ditetapkan.